



ROMBONGAN UMS mengambil kenangan bersama ISU. Turut kelihatan Marcus (dua kirai) dan Pheng (dua kanan).

UMS lawat I-Shou University, perkasakan kerjasama antarabangsa

UB 4.4.2019 B6

Oleh YAP SIONG HAN

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) memperkasakan lagi hubungan antarabangsa dengan mengadakan lawatan ke I-Shou University (ISU), Kaohsiung Taiwan.

Penolong Naib Canselor merangkap Ketua Delegasi UMS Prof Dr Marcus Jopony berkata, lawatan itu antara lain bagi melihat ruang kerjasama yang boleh memberi manfaat kepada kedua-dua universiti seiring dengan hasrat UMS untuk mempunyai keterlibatan di peringkat global.

“I-Shou University merupakan sebuah universiti swasta yang antara lain memfokuskan bidang perniagaan antarabangsa, perubatan, hospitaliti, pelancongan dan kejuruteraan.

“Universiti yang mempunyai lebih 17,000 pelajar ini membawa konsep industri dalam kampus dan mempunyai hubungan strategik dengan lebih daripada 350 syarikat industri,” katanya dalam satu kenyataan

di sini pada Rabu.

Marcus yang juga pengarah Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat (PPSKK) berkata, secara dasarnya pertemuan itu menyaksikan kedua belah pihak bersetuju untuk menjalin kerjasama termasuk dalam perkara yang berkaitan program mobiliti pelajar dan kakitangan.

“Ta’ disambut baik oleh ISU dan mereka sangat mengalu-alukan kerjasama itu.

“Universiti yang ditubuhkan pada 1986 ini juga mempunyai persamaan dengan UMS iaitu universiti yang berkonsepkan kampus hijau.

“Kita harapkan usaha ini diperluaskan dan segala urusan bagi merealisasikan kerjasama ini akan berjalan lancar,” katanya.

Pertemuan itu telah dihadiri Naib Presiden Kanan dan Provost ISU Prof Dr Julia Lin, Dekan Kolej Antarabangsa ISU Prof Dr TK Pheng, Pengarah Pusat Pengantarabangsaan dan Penglibatan Global UMS Prof Dr Ho Chong Mun dan Timbalan Pengarah PPSKK UMS Dr Jakarta Dasan.